

FAB Sepi di Bulan	2
Buka Puasa Bersama Naib Canselor	3
Kerja Amal	4
Kakitangan Fakulti Sibuk	5
Teka Silang Kata 01	6
Tips Hari Raya	7
Upcoming Events / Conference	8



**SIDANG
REDAKSI**

Penaung:

Prof. Dr Hamzah Abdul Rahman

Ketua Editor:

Raha Sulaiman

Pen. Ketua Editor:

Ainoriza Mohd Aini

Editor:

Hasniyati Hamzah
Nazli Che Din
Mahanim Hanid
Megat Ariff Shah
Junitta Halim

Percetakan & Edaran:

Azzyaty & Azizi



**KOMEN & PERTANYAAN:
EDITOR**

BULETIN ALAM BINA
Fakulti Alam Bina
Universiti Malaysia
50603 Kuala Lumpur
rahasulaiman@um.edu.my

Kami di sidang redaksi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada mereka yang turut terlibat dalam membantu menyiapkan bulletin ini samada secara langsung ataupun tidak langsung.



Alam Bina Berwajah Baru

Wah!!!!!!.....Fakulti Alam Bina kini telah berwajah baru. Setelah lama kekal dengan warna yang sama (tanpa ada perubahan besar sebagaimana yang dilakukan ini), kini setelah mencapai usia 10 tahun Fakulti Alam Bina telah mengubah imejnya....kira 'make over' lah ni. Lihatlah pemandangan baru di Fakulti Alam Bina kini ... mungkin masih belum siap sepenuhnya kerja-kerja mengecat yang dijalankan, namun begitu kita telah

dapat menggambarkan rupa baru Fakulti Alam Bina. Warna utama yang digunakan ialah ICI *Zambezi Rocks*. Jika dilihat warna ini dengan lebih kerap, kita akan merasakan kedamaian dan kesuraman yang diperlihatkannya. Tambahan lagi dengan gabungan antara warna ini dengan tumbuh-tumbuhan disekelilingnya, ia benar-benar menampilkan satu keserasian yang sukar untuk dimengertikan. Ia benar-benar menggambarkan alam semulajadi yang cuba diwujudkan di Fakulti Alam Bina ini. Mungkin ada mata-mata yang merasakan ketidaksesuaian pada warna ini. Tetapi sebagai manusia, masing-masing mempunyai pendapat yang berbeza dalam apa jua perkara. Namun begitu, nikmatilah warna yang digunakan kini, dan pastinya ianya akan menjadi satu kenangan yang mendalam kepada pelajar-pelaja yang bakal meninggalkan Fakulti Alam Bina setelah tamat tempoh belajar mereka dan kakitangan fakulti yang berkhidmat disini.

Warna ini dipilih bagi menggambarkan imej Fakulti Alam Bina itu sendiri, yang dekat kepada pembangunan dan tumbuhan semulajadi

Ranking UM

Akademia UM merasa sedih dan kecewa dengan ranking yang dikeluarkan oleh THES bagi tahun 2006 ini, dimana universiti tertua di negara telah diletakkan di tangga ke 192. Perdana menteri Malaysia, turut merasa sedih dengan berita ini dan meminta agar kajian dibuat bagaimana keadaan ini boleh terjadi. Naib Canselor, Datuk Rafiah Salim, yang sedih dengan hal

itu mengakui tempat utama dalam negara telah diambil oleh UKM. UM pernah diletakkan dalam ranking antara 100 universiti utama dunia dua tahun lepas, dan kini diletakkan pada kedudukan 192 oleh THES, turun sebanyak 23 anak tangga daripada tahun 2005 yang mana UM menduduki tempat ke 169 pada tahun itu.

...bersambung di muka 2

...dari muka hadapan

Ranking UM

Dalam membuat ranking tersebut domain yang digunakan oleh THES adalah seperti berikut :-1. Penilaian keserakanan (peer review) - 40%, 2. Kekekapan kajian dirujuk (research citation) - 20%, 3. Nisbah staf akademik dan pelajar (staff to student ratio) - 20%, 4. Penilaian bakal majikan (recruiter review) - 10 %, 5. Peratus staf akademik antarabangsa (international faculty) – 5%, 6. Nisbah pelajar antarabangsa (international students ratio) – 5%. Namun begitu, Pengurus Korporat Lembaga Akreditasi Negara (LAN), Muhammad Muammar Gaddafi Omar berpandangan bahawa sistem petunjuk prestasi yang disediakan oleh THES bu-

kanlah satu-satunya pendekatan terbaik dalam mengukur dan menilai kecemerlangan universiti di Malaysia. Oleh itu, adalah penting bagi kita merangka dan melaksanakan pendekatan yang lebih komprehensif serta responsif kepada keperluan pembangunan negara dan dalam waktu yang sama menepati amalan bijak antarabangsa. Pihak Kementerian Pengajian Tinggi sememangnya sudah merangka sistem penarafan (rating) IPT yang bersesuaian dengan keperluan tempatan dan pada ketika ini sedang diuji kesesuaian pelaksanaannya ke atas IPTA. Secara keseluruhan, ramai yang mempersoalkan tentang kriteria yang digunakan oleh THES dalam menentukan ranking ini. Secara tidak langsung, THES telah menarik majoriti universiti di dunia

dalam kancuh perlawanan bagi bersaing diantara satu sama lain untuk dinobatkan sebagai yang terbaik. Namun begitu, kita wajar melihatnya secara positif dan menjadikannya sebagai pendorong bagi perbaikan UM khususnya dan IPTA di Malaysia amnya. Kritikan diterima dengan baik dan dalam perspektif yang adil. Namun begitu, dalam usaha yang berterusan, jangan pula ahli-ahli akademik dan pentadbir universiti terlalu obses dengan penarafan THES sehinggalah melupakan kepada nilai ilmu itu sendiri. Para akademia UM perlu memberi tumpuan kepada pengisian dan bukan kepada perkara kulit sahaja. Manusia didalam universiti itu sebenarnya adalah penting daripada perkara-perkara lain.

INFO ICT : Google Earth

Google Earth merupakan sebuah perisian yang membolehkan pengguna melayari mukabumi tanpa perlu bergerak dari hadapan komputer. Google Earth atau dengan lebih ringkasnya GE adalah perisian pertama yang mengabungkan gambar satelit dengan imej bentuk mukabumi dalam satu applikasi. Layari <http://earth.google.com/> untuk maklumat lanjut

Ucapan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali kepada semua warga Fakulti Alam Bina!



'Seluas alam sepatih bicara'

ASSALAMUALAIKUM & SALAM
SEJAHTERA

Alhamdulillah, keluaran keempat Buletin Alam Bina Berjaya dikeluarkan dengan tema Perayaan. Bermacam-macam kisah dan info yang boleh dikongsi bersempena persiapan dan panduan berhari raya. Buat semua kakitangan, Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri dan tidak dilupakan Selamat Deepavali. Beberapa ruangan terpaksa direhatkan seperti ruang Zoom In dan juga Rahsia di Sebalik Tapak Kaki. Ini adalah untuk menitipkan info-info khas sempena dwi-perayaan. Di samping tu, jangan lupa untuk menghantar penyertaan bagi Teka Silang Kata 01. Ada duit raya menanti anda sebagai pemenang. Akhir kalam, 10 jari kami di Sidang Redaksi susun untuk sebarang salah silap bicara sepanjang 4 keluaran bulletin bersama anda. Berhati-hati memandu pulang ke kampung....

Salam raya,

rahasulaiman

FAB Sepi di Bulan Ramadhan...

Fakulti Alam Bina dilanggar garuda? Bukan. Cuma pada sepanjang bulan Ramadhan aktiviti-aktiviti di sekitar fakulti agak 'surut'. Kalau ada pun cumalah pembentangan para pelajar untuk tugas masing-masing. Yang agak sibuk mungkin para pensyarah yang telah mula menerima hasil tugas untuk pemberian markah bertepatan dengan akhir semester.

Pun begitu, puasa bukanlah alasan untuk mengabaikan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Ada juga warga FAB yang mengambil kesempatan untuk membereskan tugas semasa waktu makan tengah hari kerana "makan" bukan lagi satu acara pada bulan puasa ini!

Tidak ketinggalan juga para 'businesswoman' segera yang muncul macam artis realiti di sekitar fakulti (*gurau!*) Kemunculan mereka memang menambahkan kemeriahan bulan puasa dan secara tidak langsung merupakan satu bentuk 'community service' juga kerana menawarkan produk-produk berkualiti terus kepada pembeli. (*Save parking!*)

Apa-apa pun suasana sepi ini dijangka akan berpanjangan selepas Raya sebab cuti ulangkaji sudah bermula. Tak perlulah berebut *parking lot* dengan pelajar— yang kadang-kadang kerejanya lebih hebat dari staf sendiri!

Prof S.P.Rao reminisce about Deepavali...

Indians celebrate Deepavali by lighting-up oil lamps. Different parts of India have their own legends and traditions. The way it is observed depends on the region and the mythology also varies. For North Indians, it is the first day of their new year, especially for the businessman who starts a new ledger on that day. Here is a short description about how the festival is celebrated in Karnataka (my home state) in India.

On the morning of the first day of Deepavali called as “Naraka Chaturdashi” tradition is to have an oil-bath. The usual process is for the ladies to apply oil the head, hands and legs of everybody in the family . Then each person has a bath with hot water and shampoo. This happens usually before sunrise. [when we were young, it used to be fun to fill-up the water boiler with water and light-up the fire wood to heat the water, alas now it is all solar hot water!]. After the ritual bath the children dress-up in their new clothes and take parents blessings. Afterwards the children and the adults light-up fire crackers in the courtyard/on the roads in front of their house.

The second day is celebrated as “Bali Padyami”. The day on which king Bali gave charity to Vamana fell on the first day of the bright fortnight of the month during which the Festival of Lights is celebrated. In the central hall of every home, they draw beautiful figures with powder of rice in different colors and worship Bali. They build seven forts out of clay worship king Bali. At night the thresholds of every home and temple are lighted with lamps in rows. Bali's kingdom is remembered and people shout with joy, “Let the ideal kingdom of Bali dawn at the earliest on earth”. King Bali is supposed to visit his lost kingdom for a fraction of a second on that evening. Well truly it is a big day for all.

How I miss the sound of firecrackers!!!! It was such a cacophony of noises and lights.

Buka Puasa Bersama Naib Canselor

Pada 10 Oktober 2006 bersamaan 17 Ramadhan baru ini telah diadakan majlis berbuka puasa warga UM bersama Naib Canselor, Datuk Rafiah Salim bertempat di Dewan Tunku Canselor, UM.

Majlis bermula pada pukul 5.30ptg dengan taklimat berkenaan visi dan misi UM yang baru. Buat makluman yang tidak hadir, kandungan ucapan beliau lebih kurang sama dengan pembentangan yang telah dibuat oleh Prof. Hamzah sebelumnya iaitu merupakan penerangan visi dan misi universiti. Datuk VC turut menekankan nilai-nilai yang perlu ada pada setiap warga UM termasuklah integriti yang tinggi dan saling hormat-menghormati sesama kita. Taklimat menjadi hangat apabila be-

liau menyentuh tentang keputusan ranking UM yang berada di bawah sebuah lagi universiti di Malaysia (disebut ‘you-know-who’ oleh beliau). Nada ucapan beliau jelas membayangkan kekecewaannya.

Yang menariknya beliau menegaskan bahawa semua staf mempunyai peranan masing-masing di dalam meningkatkan kecemerlangan UM—baik dari tukang sapu hatta sehinggalah dekan sesebuah fakulti. Beliau turut menyeru kepada semua warga UM yang hadir supaya menanamkan azam untuk mem-

perbaiki keadaan.

Diharap semua mendapat iktibar daripada pesanan beliau bahawa kita semua bertanggungjawab untuk menaikkan semula nama baik UM. Bak kata Prof Hamzah, kita tahu kita yang terbaik tetapi bagaimanakah caranya untuk menyampaikannya kepada orang lain?

Majlis diteruskan dengan buka puasa dan solat Maghrib. Solat hajat berjemaah juga diadakan untuk memperolehi keberkatan dari Yang Esa.



Kerja Amal Pelajar Tahun 1 Sarjana Muda Ukur Bangunan



Pelajar-pelajar Sarjana Muda Ukur Bangunan telah menjalankan kerja amal di Masjid Saidina Abu Bakar As-Siddiq, Bangsar pada 12 Oktober 2006 (Khamis) bermula jam 3.00 hingga 6.00 petang.

Berikut adalah objektif am bagi Projek Amal ini:

- Untuk menaiktaraf tapak permainan di Sek. Agama Masjid Bangsar.
- Memberi suasana yang lebih menarik di kawasan tersebut.
- Menghijaukan dengan tanaman pokok-pokok baru.
- Memastikan kawasan tersebut selamat digunakan.

Sumbangan daripada semua warga Alam Bina amat dialu-alukan bagi menjayakan projek ini. Sumbangan ini akan digunakan untuk membeli 'bench' dan membuat papan tanda bagi mencerikan kawasan masjid ini.

Spesifikasi Tapak Projek

Keluasan Tapak	: 40m ² (4 x 10)
	Rumput, tanah
Binaan	: Papan Gelungsur, 'cubicle'

Pembentangan Kerja Kursus Jabatan Pengurusan Harta Tanah

Minggu ke 13 dan 14 dalam kalendar pengajian untuk pelajar Kursus Pengurusan Harta Tanah tahun 2 dan 3 adalah merupakan minggu yang paling mendebarkan. Mereka dikehendaki untuk membuat pembentangan hasil penyelidikan kerja kursus yang telah diberi pada minggu ke 3 pengajian. Markah untuk pembentangan ini ialah 40% dan seminar ini terbuka kepada semua pelajar Pengurusan Harta Tanah dari tahun 1 hingga 3.

Pelajar Tahun 2 dikehendaki dan juga pemilik-pemilik harta membuat pembentangan berkaitan tanah di sekitar Kuala Lumpur dengan penilaian kompleks pejabat yang terlibat dengan kajian pelajar dan belibelah yang terdapat di ini telah memberikan kerjasama sekitar Kuala Lumpur. Sebanyak 14 yang amat menggalakan. kes penilaian yang dibentangkan Perbenteng kertas kerja kursus oleh pelajar ini. Pelajar Tahun bagi setiap kumpulan pelajar adalah 3 pula membuat pembentangan selama 20 minit yang dibuat kertas kerja berkaitan dengan menggunakan power-point hartat tanah yang terlibat dengan dan multi media presentation dan pengambilan balik tanah sebanyak di ikuti dengan sesi soal-jawab 10 kes, dan penilaian cukai selama 20 minit. Kebanyakan sesi assessmen sebanyak 7 kes. Pihak perbentangan ini di adakan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Auditorium FAB.

PETUA MENASIHATI ANAK YANG DEGIL

1. Lakukan petua ini semasa mereka sedang tidur, di kala waktu dua pertiga malam kerana ianya adalah waktu yang paling sesuai.
2. Sentuhkan ibu jari anda ke langit-langit dan kemudian letakkan ibu jari tersebut dengan lembut ke ubun-ubun mereka.
3. Kemudian, dengan ibu jari masih di bahagian ubun-ubun selawatlah ke atas junjungan Nabi Muhammada dan bacakan surah Al-Fatihah. Teruskan dengan berzikir dalam hati.
4. Angkat ibu jari anda sambil masih berzikir di dalam hati. Kemudian dengan suara yang perlahan, beritahu apa yang anda ingin nasihatkan kepada mereka. Contohnya, jadilah anak yang soleh, jangan tinggal sembahyang, rajin mengaji dan sebagainya. Pastikan suara anda tidak sampai mengejutkan mereka. Kalau boleh pastikan anda akan terus berzikir di dalam hati.
5. Insyallah, anda akan dapat melihat reaksi mereka menerima nasihat anda apabila kelopak matanya bergerak-gerak. Lakukan selalu dan insyallah usaha anda akan berkesan.

Kakitangan Fakulti Sibuk

Pn. Nor Haniza

Kata beliau, raya kali ni giliran beliau sekeluarga beraya di Pahang iaitu keluarga sebelahnya. Raya Haji nanti giliran suaminya pula menyambut raya di Singapura. Macam tulah setiap tahun kena bergilir, barulah adil dan harmoni katanya. Mempunyai 5 orang perempuan dan seorang hero dari umur 17 hinggalah 2 tahun setengah, persiapan hari raya kena ada strategi. Maklumlah, nak pastikan setiap orang dapat bahagian masing-masing. Naik pening kepala untuk mengatur persiapan raya setiap orang dari Baju Raya, Kasut Raya, Duit Raya dan macam-macam raya lagi. Yang tak larat tu bila buat audit barang kemas semua dah ketat... Alamat kena beli rantai tangan Rayalah pulak. Yang bertambah pening bila si A tengok si B dapat gelang tangan baru, dia pun nak jugak. Tak dapat merajuk... Hai 5 orang anak pompuanlah katakan... Tapi yang syoknya ramai anak pompuan ni ialah bila nak buat kuih raya, ramai yang menolong. Bab ni dia orang *excited* betul...tapi siap je masak, dah habis separuh sebab kena makan... Macam tulah suasana keluarga Pn. Nor Haniza bila nak sambut raya.

Cik Norhanim Zakaria

Bagi Cik Norhanim pula, persiapan raya tahun ni serba sederhana. Beliau yang masih terkenangkan arwah suaminya walaupun, lebih teruja dengan persiapan raya untuk anak perempuannya. Asyik-asyik belikan baju raya serta kasut raya untuk si kecil. Kuih raya pula hanya pakai tunjuk-tunjuk sahaja dah dapat dua tiga botol. Kini, beliau lebih senang menyambut raya bersama keluarga

dan pulang ke kampung neneknya memandangkan kedua mertua sebelah arwah suami juga telah meninggal dunia.

PM Dr. Nasir Md Daud

Menurut beliau, pada hari raya apa yang penting ialah untuk pulang ke kampung halaman bagi mendapat restu dan mohon ampun maaf daripada ayah dan ibunya. Beliau tidak mengalami masalah kala ditanya jadual giliran pulang beraya antaranya dan isterinya. Ini memandangkan bahawa beliau dan isterinya berlatarbelakangkan dalam rumpun keluarga yang sama iaitu dari kalangan sepupu. Kala ditanya persiapan raya, bapa penyayang ini akan mendahulukan persiapan untuk anak-anaknya yang seramai 5 orang dalam anggaran RM200.00 seorang. Beliau turut mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua kakitangan fakulti.

Muhairizam Manan

Amat susah untuk mengorek rahsia persiapan raya beliau. Menurut beliau, setiap tahun beliau hanya menyambut raya di Kuala Lumpur memandangkan beliau memangnya berasal dari sini. Saban tahun beliau menyaksikan betapa lengangnya Bandaraya ini pada setiap 1 Syawal dan kembali meriah dan sibuk menjelang hari raya 3 dan ke 4.

Sumazuita

Si gadis yang masih solo ini pula merupakan anak yang begitu kasihkan ibu bapa serta adiknya. Beliaulah yang bertanggungjawab menguruskan persiapan raya

saban tahun memandangkan kakak dan abangnya ramai yang dah berkahwin dan mempunyai tanggungjawab sendiri. Baju raya yang masih elok dan cantik 3 tahun lepas akan disarungkan sekali lagi untuk tahun ini. Tapi, yang tidak dapat ditinggalkan ialah bermain mercun bersama adiknya di kampungnya iaitu Sg. Besar, Selangor. Bila ditanya di mana bekalan mercun diperolehi, katanya..'rahsia, nanti kena tangkap..'. Baik-baik Suma kalau nak main mercun tu....

Zauyah Md. Ali

Bagi Pn. Zauyah, persiapan raya untuk tahun ini tidak begitu sibuk berbanding tahun-tahun yang lepas. Ini memandangkan 2 dari 3 orang anaknya sudah pandai menguruskan diri sendiri. Seorang sudah berkahwin dan seorang lagi sudah meningkat dewasa. Tumpuannya kini hanyalah untuk seorang anak kecilnya dan juga untuk suami tersayang. Beliau juga lebih senang menyediakan juadah kuih raya dengan membeli yang dah siap, katanya lebih mudah. 'Dah tak larat nak buat kuih sendiri...' itu komennya. Beliau akan pulang beraya di kampungnya juga di Kuala Lumpur dan selepas itu pulangg ke Kpg. Jawa di Shah Alam iaitu keluarga di sebelah suaminya pula.

Kisahny... Aoccdrnig to a rscheearch at an Elingsh uinervtisy, it deosn't mtttaer in waht oredr the ltteers in a wrod are, the olny iprmoetnt tihng is taht frist and lsat ltteer is at the rghit pclae. The rset can be a toatl mses and you can sitll raed it wouthit porbelm. Tihs is bcuseae we do not raed ervey lteter by itslef but the wrod as a wlohe.

Kek Lobak Merah Rendah Lemak

Bahan

- 125gm majerin rendah lemak tanpa garam
- 125gm lelemak sayuran
- 180gm gula perang
- 2 biji kuning telur
- 220ml putih telur (diputar)
- 150gm tepung serbuk penaik
- 100gm tepung berserat tinggi
- 1 biji lobak merah (diparut)
- 1 sudu kecil esen vanilla
- sedikit gula serbuk untuk hiasan

Cara membuat

- Pukul majerin, lelemak sayuran

- dan gula hingga kembang.
- Masukkan kuning telur berselang seli dengan tepung.
- Balikkan putih telur dan lobak merah ke dalam adunan. Masukkan esen dan tuang ke dalam acuan yang disapu dengan sedikit minyak dan ditabur dengan tepung.
- Bakar di dalam ketuhar bersuhu 160°C selama 45 minit hingga kelohatab keemasan.
- Sejuk dan terbalikkan ke atas pinggan dan taburkan sedikit gula serbuk dan hidang.



BIRTHDAY COLUMN

November


- 26hb En. Rahmat Bayudi
- 6hb PM Saari Omar
- 9hb PM Dr. Yahya Ahmad
- 4hb En. Azizi

1 Syawal disambut meriah di seluruh dunia. Gambar menunjukkan suasana solat Aidilfitri di sebuah masjid di Dongguan, barat laut China.



TEKA SILANG KATA 01

Seperti yang dijanjikan pada keluaran lepas, ini lah dia apa yang ditunggu-tunggu untuk keluaran kali ini. Alhamdulillah, Dekan kita bersetuju untuk menyumbang hadiah sebanyak RM50.00 kepada sesiapa yang berjaya melengkapkan teka kata ini. Boleh buat duit raya. Terima kasih kami ucapkan kepada beliau. ☺ Tapi, hanya seorang sahaja yang akan terpilih sebagai pemenang. Jadi siapa cepat dia dapat. Penyertaan akan dibuka mulai 30 Oktober 2006 sehingga 10 November 2006. Cepat, jangan lepaskan peluang ini.



Melintang

- 5. Lelaki yang gagah dan berani
- 7. Hantu perempuan
- 8. Reptilia kecil
- 10. Pertemuan atau mesyuarat besar
- 12. Wap air yang bergumpal-gumpal dan tinggi di udara
- 14. Bekas leper
- 15. Orang yang pekerjaannya sentiasa berwarna hitam dan putih
- 16. Berkulit keras dan terapung seperti kayu
- 18. Binatang yang dipercayai mengeluarkan api
- 19. Permata berharga kesayangan wanita
- 20. Logam yang mahal harganya

Menegak

- 1. Alat memudahkan penyimpanan maklumat
- 2. Mangkuk kecil bertangkai
- 3. Untaian bunga untuk perhiasan kepala
- 4. Alat yang boleh mendapatkan tenaga atau daya mesin
- 6. Binatang yang menggigit sesuatu dengan sedikit-sedikit
- 9. Tali yang dibuat daripada logam
- 11. Alat yang bergigi dan bermata untuk memotong
- 13. Benih bunga jantan yang akan bersenyawa dengan benih bunga betina
- 17. Penutup bercerun

Selamat Bertugas!

Encik Mohd Ikmal bin Zainuddin (Juruteknik Am)

Mula melapor diri di FAB pada 2 Oktober 2006. Beliau bekas pelajar Politeknik Ungku Omar (Certificate in Electric & Electronic Engineering) dan Politeknik Port Dickson (Diploma in Electronic Engineering). Beliau pernah berkhidmat sebagai Pembantu Teknik di Syarikat Iris Corporation Bhd.



Tips Hari Raya

BERJIMAT DI HARI RAYA

1. Kurangkan bajet yang tidak perlu. Baju, langsir, perabot dan lain-lain tidak perlu bertukar setiap tahun. Asalkan ianya masih baik dan boleh dipakai, apa salahnya kita gunakannya lagi.
2. Ajar anggota keluarga hidup sederhana dan berjimat cermat.
3. Duit raya yang diperolehi oleh anak-anak lebih elok jika diajar supaya disimpan dalam akaun atau pun simpanan insuran pendidikan mereka.

ADAB MENGANJURKAN RUMAH TERBUKA

1. Mengundang tamu orang yang beriman.
2. Jangan hanya mengundang orang-orang kaya sehingga lupa jiran tetangga yang miskin dan kurang mampu.
3. Jangan anjurkan rumah terbuka untuk tujuan membanggakan diri, menunjuk perabot baru, langsir baru dan sofa yang cantik.
4. Hendaklah segera menghidangkan makanan kepada tetamu dan jangan mengangkat hidangan sebelum selesai makan.
5. Jangan mbingitkan suasana dengan bunyi-bunyian muzik yang kuat dan yang melalaikan.
6. Jangan mengganggu waktu sembahyang para tetamu.
7. Tuan rumah hendaklah mengiringi tetamu keluar sekiranya mereka ingin

beransur pulang.

CANTIK BERHARI RAYA DAN TETAP CANTIK DI MATA ALLAH

1. Menjaga perkataan dengan tidak bercakap kasar, sinis atau menyakitkan orang lain.
2. Menjaga perlakuan dengan tidak berlaku kasar atau bengis.
3. Anggota tubuh sentiasa dibasahi air wudhuk
4. Jangan tinggalkan solat lima waktu **waima** berhari raya ke malam.
5. memakai pakaian yang sopan, tidak menjolok mata, tidak jarang, tidak ketat sehingga nampak bentuk badan dan hendaklah bersih.
6. Membanyakkan zikir dan berselawat dan elakkan dari bersembang kosong.
7. Berbaik sangka dengan semua orang termasuklah saudara mara dan adik beradik.

JAUHI PERKARA-PERKARA BERIKUT DI KALA BERHARI RAYA

1. Jangan lalai membuat persiapan sehingga tidak berkesempatan bertakbir dan bertahmid pada malam hari raya.
2. Bergaul bebas berhari raya dengan mereka yang bukan muhrim, mendedahkan aurat dan menyambut raya di tempat terlarang.
3. Jangan menimbulkan permusuhan apatah lagi permusuhan sesama keluarga. Lupakan yang keruh, ambil yang jernih dan bermaaf-maafkanlah sesama kita.

4. Jangan tanamkan sifat di kalangan anak-anak untuk mengumpul duit raya.
5. Jangan hanya berdiam diri duduk di rumah menonton rancangan istimewa dihari raya.

MERANCANG PERJALANAN MENJELANG RAYA

1. Merancang bajet perjalanan anda termasuk duit minyak, told an servis kereta.
2. Servis kenderaan anda di tempat yang sudah menjadi kebiasaan anda untuk mengelakkan dari ditipu.
3. Pastikan tayar ganti simpanan anda diisi angin. Jangan nanti bila tayar pancit tengah jalan, hendak diganti dengan tayar simpanan tetapi tayar tersebut turut tiada angin.
4. Rancang perjalanan anda untuk mengelakkan kesesakan dan juga kesegaran anda sebagai pemandu.
5. Elakkan kenderaan diisi barang terlalu penuh ataupun penumpang terlalu ramai.
6. Patuhi peraturan jalan-raya untuk menjamin keselamatan dan juga elak dari di saman. Nanti melayang lagi duit raya untuk bayar saman.
7. Ambil rehat seketika jika letih memandu.
8. Jangan biarkan anak-anak, lagu raya yang berkemundang di radio atau penumpang yang lain mengganggu konsentrasi anda memandu.

B | E | L | A | J | A | R B | A | H | A | S | A

Ruangan kali ini mengajak anda belajar bahasa paling romantik di dunia iaitu bahasa Sepanyol. Bahasa ini dituturkan bermula dari Sepanyol sehinggalah ke Costa Rica. Ianya mula diperkenalkan melalui bahasa Latin pada kurun ketiga semasa zaman jajahan Rom.

FRASA ASAS BAHASA SEPANYOL

Si	Ya	Buenos noches	Selamat malam
No	Tidak	Adelante	Sila masuk
Hola	Hello	Senior	Encik
Adios	Selamat tinggal	Senora	Puan
Gracias	Terima kasih	Senorita	Cik
Muchas gracias	Terima kasih banyak-banyak	Habla ingles?	Anda boleh berbahasa Inggeris?
De nada	Sama-sama	Mucho gusto	Gembira bertemu anda
Buenos dias	Selamat pagi	Por favor	Tolonglah
Buenos tardes	Selamat tengah hari		

MENGHIAS MENJELANG RAYA

1. Tambahkan kusyen-kusyen kecil berbilang warna bagi menampilkan kelainan pada sofa anda
2. Kemaskan bilik tidur dan dapur setiap kali sebelum keluar berhari raya. Pulang ke rumah sudah tentu terasa lega dan seronok kerana rumah sudah bersih,
3. Cuba hiaskan ruang tamu dengan bunga lili putih dalam balang kaca tinggi. Anda pasti terpesona dengan daya tarikkannya.
4. Selesaikan kerja seberapa banyak yang boleh di sebelah malam dan senaraikan perkara yang perlu dilakukan untuk keesokan harinya.
5. Ingin menampal kertas dinding tapi tidak cukup masa? Catkan sahaja dinding dengan warna putih kerana lebih nampak suci dan bersih.
6. Kemaskan bahagian rumah yang mudah dilihat tetamu seperti laluan di bahagian pintu masuk dan ruang tamu.
7. Anda boleh tambahkan pencahayaan ruang rumah tanpa pembaziran elektrik. Caranya, beli sahaja terendak lilin pelbagai warna. Suasana lebih redup, romantik dan ada kelainannya.
8. Tukarkan alas meja dan hiaskan permukaan

meja dengan gambar keluarga, pemandangan, daun atau bunga kering dan lapikkan dengan kaca sama besar ukuran permukaan meja.

9. Ubahsuai langsir sedia ada dengan tambahkan renda di bahagian tepi langsir. Atau letakkan kelopak-kelopak bunga di bahagian tempat gantung langsir.
10. Cara lain yang lebih mudah ialah dengan menambah gambar atau lukisan di dinding.
11. Anda juga boleh gunakan unsur bau-bauan aromaterapi untuk santapan deria bau.



Adab – adab Rasulullah SAW merayakan Idulfitri...

Makan & Minum Sebelum Keluar Solat Idul Fitri

Dari Anas r.a katanya : "Biasanya Rasulullah SAW sebelum pergi salat idul fitri, lebih dahulu beliau memakan buah kurma beberapa butir. Jadi sunnah bagi kita makan dan minum terlebih dahulu sebelum ke masjid. (hadith Riwayat Bukhari)

Keluar Meraikan Solat Id'di Masjid

Dari Ummu 'Athiyah r.a katanya : "Bahawasanya kami di perintah pergi meraikan salat 'id, bahkan anak-anak gadis keluar. Begitu juga wanita yang sedang haid tetapi mereka ini hanya berdiri sahaja di belakang orang yang banyak, (bukan ruang solat), dan kami turut bertakbir dan berdoa bersama-sama. Mereka yang mengharapkan beroleh berkat dan kesucian pada hari itu". (hadith Riwayat Bukhari)

Menempuh Jalan Berbeza Apabila Ke Masjid atau Pulang Dari Jabir r.a katanya : "Biasanya pada hari raya, apabila pulang dari masjid Nabi SAW menempuh jalan pulang berbeza daripada jalan yang telah ditempuh sebelum ke masjid". (hadith Riwayat Bukhari)

Memperbanyakkan Sedekah

Diceritakan dari Ibnu Abbas r.a bahawa Nabi SAW melakukan salat idul fitri dua rakaat, kemudian beliau pergi ke tempat para wanita bersama bilal, beliau menyuruh mereka bersedekah. Maka mereka bersedekah, ada yang menyedekahkan anting-antingnya dan ada yang menyedekahkan kalungya".

Anjuran Berdoa Sesama Sendiri

Jubir bin Nufayr dan Muhammad bin Ziryad berkata : Apabila sahabat-sahabat Nabi SAW bertemu pada hari raya mereka mengucapkan :

Maksudnya : Semoga ALLAH terima amal kami dan amal engkau. (hadith Riwayat Bukhari)

Banyakkan Bertakbir Memuji ALLAH SWT

Mariilah menyambutnya mengikut Sunnah Rasulullah SAW dimana baginda memerintahkan kita BERTAKBIR memuji ALLAH SWT pada malamnya sehingga sebelum solat sunat Aidilfitri



Upcoming Events/ Conferences:

Jamuan Hari Raya Fakulti Alam Bina

... maklumat lanjut menyusul
kelak.